



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Ministry of Health Malaysia)
Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)
Lot 36, Jalan Universiti
46200 Petaling Jaya
Selangor
MALAYSIA

No. Telefon : 03-7883 5400
No. Faksimili : 03-7956 2924
Portal Rasmi : <http://www.npra.moh.gov.my>
E-mel Rasmi : npra@npra.gov.my

Ruj. Kami: (4) dlm. BPFK/PPP/07/25 Jld. 4
Tarikh : 1 Mei 2020

SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN

SEMUA PERSATUAN BERKENAAN (SEPERTI DI SENARAI EDARAN)

Tuan/ Puan,

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN DADAH DAN KOSMETIK 1984

ARAHAH PENGARAH PERKHIDMATAN FARMASI BILANGAN 4 TAHUN 2020:
DIREKTIF UNTUK SEMUA PRODUK YANG MENGANDUNGI DICLOFENAC (KECUALI
SEDIAAN UNTUK KEGUNAAN PADA KULIT): PENGEMASKINIAN SISIP BUNGKUSAN
DAN RISALAH MAKLUMAT UBAT UNTUK PENGGUNA (RiMUP) DENGAN PENAMBAHAN
MAKLUMAT KESELAMATAN BERKAITAN RISIKO *ANASTOMOTIC LEAKAGE* DAN
KOUNIS SYNDROME

Adalah saya merujuk kepada Arahan Bilangan 4 Tahun 2020 oleh Pengarah Perkhidmatan Farmasi.

2. Dimaklumkan bahawa Pengarah Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia dalam Arahan Bilangan 4 Tahun 2020 telah bersetuju untuk memasukkan maklumat keselamatan berkaitan risiko *anastomotic leakage* dan *kounis syndrome* bagi produk yang mengandungi diclofenac (kecuali sediaan untuk kegunaan pada kulit) seperti pada surat arahan Bil.(4) BPFK/PPP/07/25 Jld.4.

3. Pihak pemegang pendaftaran adalah diarahkan untuk mematuhi keperluan tersebut.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

1

(DR HASENAH BINTI ALI) (RPh 1517)
Pengarah
Bahagian Regulatori Farmasi Negara
Kementerian Kesihatan Malaysia

 SAB/nb
 suhailah@npra.gov.my/ nurhidayah@npra.gov.my
 +603 - 7883 5463/5474



ARAHAN DI BAWAH PERATURAN 29 PERATURAN – PERATURAN KAWALAN DADAH DAN KOSMETIK 1984

BILANGAN 4 TAHUN 2020

DIREKTIF UNTUK SEMUA PRODUK YANG MENGANDUNG DICLOFENAC (KECUALI SEDIAAN UNTUK KEGUNAAN PADA KULIT): PENGEMASKINIAN SISIP BUNGKUSAN DAN RISALAH MAKLUMAT UBAT UNTUK PENGGUNA (RiMUP) DENGAN PENAMBAHAN MAKLUMAT KESELAMATAN BERKAITAN RISIKO ANASTOMOTIC LEAKAGE DAN *KOUNIS SYNDROME*

TUJUAN

- 1.1 Arahan ini dikeluarkan oleh Pengarah Perkhidmatan Farmasi di bawah Peraturan 29 (1) Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.
- 1.2 Arahan ini ditujukan kepada semua pemegang pendaftaran produk yang mengandungi diclofenac (kecuali sediaan untuk kegunaan pada kulit) bagi mengemaskini sisip bungkusan dan risalah maklumat ubat untuk pengguna (RiMUP) dengan maklumat keselamatan berkaitan risiko *anastomotic leakage* dan *kounis syndrome*.

LATAR BELAKANG

- 2.1 Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) dalam mesyuarat kali ke 344 pada 30 April 2020 telah membuat keputusan untuk semua produk yang mengandungi diclofenac (kecuali sediaan untuk kegunaan pada kulit) bagi mengemaskini sisip bungkusan dan risalah maklumat ubat untuk pengguna (RiMUP) dengan maklumat keselamatan berkaitan risiko *anastomotic leakage* dan *kounis syndrome*.

PELAKSANAAN

3.1 Oleh itu arahan – arahan berikut perlu dipatuhi untuk semua produk yang mengandungi diclofenac (kecuali sediaan untuk kegunaan pada kulit) seperti berikut:-

3.1.1 Sisip bungkusan

Pada bahagian *Warnings and Precautions*:

Gastrointestinal effects

NSAIDs, including diclofenac, may be associated with increased risk of gastrointestinal anastomotic leak. Close medical surveillance and caution are recommended when using diclofenac after gastrointestinal surgery.

Pada bahagian *Adverse Effects/ Undesirable Effects*:

Cardiac disorders:

Kounis syndrome : Frequency “not known”

3.1.2 Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Pada bahagian *Before you start to use it:*

Tell your doctor if you recently had or you are going to have a surgery of the stomach or intestinal tract before receiving/taking/using [product name], as [product name] can sometimes worsen wound healing in your gut after surgery.

Pada bahagian *Side Effects:*

Frequency “not known”: Chest pain, which can be a sign of a potentially serious allergic reaction called Kounis syndrome.

4. Tarikh pelaksanaan keperluan mengemaskini maklumat berkenaan pada semua produk yang mengandungi diclofenac (kecuali sediaan untuk kegunaan pada kulit) bagi:

(a) Permohonan baru dan produk yang sedang dalam proses penilaian : 1 Jun 2020

(b) Produk berdaftar : 1 Januari 2021.

5. Permohonan pindaan pada sisip bungkusan dan RiMUP bagi produk berdaftar perlu dikemukakan sebagai permohonan variasi.

6. Tarikh kuat kuasa arahan ini ialah mulai 1 Jun 2020.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATIN DR. FARIDAH ARYANI BINTI MD YUSOF) (RPh 1197)
Pengarah Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

SAB/NB/P/KPSR/NPRA/04052020

- s.k. 1. Pengarah
Bahagian Regulatori Farmasi Negara
Kementerian Kesihatan Malaysia
2. Pengarah
Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
3. Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

